

## Suara Negara di Layar Kaca: Evolusi Program Berita Televisyen Malaysia, 1960an–1980an

### *The Voice of the Nation on the Screen: The Evolution of Television News Programming in Malaysia, 1960s–1980s*

**Mohd Suhairi Mazlan \* & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus**

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding Author : suhairimazlan23@gmail.com

#### **Abstrak**

Pengenalan berita televisyen di Malaysia menandakan satu peralihan paradigma dalam sejarah komunikasi massa pascakolonial daripada medium tradisional yang bersifat transmisi fakta kepada instrumen strategik yang membentuk naratif nasional dan identiti kebangsaan. Televisyen pada awalnya berfungsi sebagai saluran asas penyampaian maklumat, namun dengan cepat ia berkembang menjadi mekanisme pembentukan wacana, mengukuhkan kesedaran sivik, memupuk perpaduan dalam masyarakat berbilang bangsa serta menegaskan aspirasi pembangunan negara. Artikel ini membincangkan perkembangan berita televisyen di Malaysia dari aspek teknologi, bentuk penyiaran dan fungsi media sebagai alat negara dalam mempengaruhi persepsi masyarakat, menyokong dasar kerajaan serta membentuk identiti kebangsaan. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan kaedah kualitatif bagi meneliti evolusi program berita televisyen di Malaysia dari tahun 1960-an hingga 1980-an. Penelitian dilakukan secara tematik dengan menumpukan kepada struktur buletin, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, liputan isu-isu nasional serta peranan berita dalam menyokong pelaksanaan dasar kerajaan. Analisis evolusi berita televisyen dari era 1960-an hingga 1980-an menunjukkan transformasi berperingkat yang sistematik. Era 1960-an dicirikan oleh liputan berita yang formal, ringkas dan berasaskan teks dengan elemen visual yang minimal. Buletin berita disiarkan dalam empat bahasa utama: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai strategi inklusif untuk menjangkau masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Era 1970-an menandakan kematangan editorial melalui integrasi rakaman video, wawancara dan pemanjangan durasi buletin, menekankan isu pembangunan nasional, dasar kerajaan dan agenda perpaduan. Memasuki era 1980-an, berita televisyen menonjolkan pendekatan analitis dan interaktif dengan liputan langsung, grafik, carta, peta, segmen tematik serta format dwi-pembaca, meningkatkan keterikatan audien serta keberkesanan penyampaian maklumat. Secara konseptual, transformasi berita televisyen sepanjang tiga era ini bukan sahaja mencerminkan kemajuan teknikal dan profesionalisme penyiaran tetapi juga merupakan manifestasi strategik media dalam membentuk identiti nasional, memperkukuh solidariti sosial dan menegaskan kedudukan Malaysia sebagai negara moden dan berdaya saing di peringkat serantau. Dengan kata lain, berita televisyen bukan

sekadar medium komunikasi massa; ia adalah alat kritikal pembinaan wacana nasional, menyatukan aspirasi rakyat berbilang bangsa dan mengukuhkan naratif pascakolonial yang berimpak tinggi.

**Kata Kunci:** Ideologi; Media; Penyiaran; Perpaduan; Wacana

### **Abstract**

*The emergence of television news in Malaysia marks a paradigmatic shift in the history of postcolonial mass communication, transitioning from a traditional medium primarily concerned with factual transmission to a strategic instrument in the construction of national narratives and identity formation. Initially functioning as a basic channel for information dissemination, television rapidly evolved into a mechanism of discourse production that fostered civic consciousness, promoted unity within a multi-ethnic society and reinforced national developmental aspirations. This article examines the development of television news in Malaysia in terms of technological advancement, broadcast formats and the role of media as an instrument of the state in shaping public perception, supporting government policies and constructing national identity. This study adopts a historical approach employing qualitative methodology to examine the evolution of television news programming in Malaysia from the 1960s to the 1980s. A thematic approach is employed, focusing on bulletin structure, the use of the Malay language as the primary medium of transmission, coverage of national issues and the role of news in supporting government policy implementation. The evolution of television news across the three decades demonstrates a systematic and progressive transformation. The 1960s were characterised by formal, concise and text-based news coverage with minimal visual elements. News bulletins were broadcast in four major languages, Malay, English, Chinese and Tamil, as an inclusive strategy to reach Malaysia's multi-ethnic population. The 1970s marked editorial maturation through the integration of video recordings, interviews and extended bulletin durations with increased emphasis on national development, government policy and unity agendas. By the 1980s, television news adopted a more analytical and interactive approach, incorporating live broadcasts, graphics, charts, maps, thematic segments and dual presenter formats, thereby enhancing audience engagement and the effectiveness of information delivery. Conceptually, this three decade transformation reflects not only technological advancement and broadcasting professionalism but also a strategic manifestation of media in shaping national identity, strengthening social cohesion and positioning Malaysia as a modern and competitive nation within the regional context. In other words, television news functions not merely as a mass communication medium but as a critical instrument in the construction of national discourse, unifying the aspirations of a multi-ethnic society and consolidating a postcolonial narrative of significant impact.*

**Keywords:** Broadcasting; Discourse; Ideology; Media; Unity

### **PENGENALAN**

Sebelum kemunculan televisyen, medium cetak dan radio menjadi saluran komunikasi massa utama di Tanah Melayu. Akhbar memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat sepanjang era penjajahan British walaupun capaian audiens terhad kepada golongan berpendidikan dan penduduk bandar.<sup>1</sup> Radio diperkenalkan secara rasmi pada 1921 dan berkembang pesat dengan penubuhan Radio Malaya pada 1946 selepas Perang Dunia Kedua,

menjadikannya medium yang mampu menjangkau masyarakat lebih luas.<sup>2</sup> Semasa pendudukan Jepun (1942–1945), radio digunakan sebagai alat propaganda politik dan penyebaran ideologi.<sup>3</sup> Pasca perang, Radio Malaya menjadi instrumen strategik yang penting dalam menghubungkan komuniti berbilang bangsa, membina identiti negara bangsa, memupuk perpaduan nasional dan menegaskan aspirasi pembangunan pascakolonial Malaysia.<sup>4</sup>

Setelah radio meletakkan asas komunikasi massa nasional, televisyen muncul sebagai medium baharu yang berkembang pesat selepas Perang Dunia Kedua, terutama di Amerika Syarikat dan Eropah Barat pada 1950-an.<sup>5</sup> Televisyen bukan sekadar hiburan tetapi simbol kemodenan, kemajuan teknologi dan alat propaganda ideologi penting dalam suasana Perang Dingin, di mana kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet menggunakan media untuk menyebarkan ideologi dan membentuk persepsi global.<sup>6</sup> Negara maju mempamerkan keunggulan politik dan ekonomi melalui televisyen, manakala negara dunia ketiga menggunakan medium ini untuk pembangunan nasional dan peneguhan identiti negara.<sup>7</sup> Televisyen merevolusikan komunikasi massa global dengan gabungan audio dan visual, lebih berkesan daripada radio atau akhbar.<sup>8</sup> Penyebaran televisyen ke Asia mencerminkan aspirasi politik untuk imej moden dan reputasi antarabangsa, menjadikannya instrumen diplomasi dan pembangunan imej negara.<sup>9</sup> Oleh itu, kemajuan teknologi televisyen global menjadi dorongan utama Malaysia membangunkan sistem penyiaran sendiri, sejajar dengan usaha membina negara berdaulat pasca penjajahan.<sup>10</sup>

Seiring gelombang global kemunculan televisyen selepas Perang Dunia Kedua, Malaysia mula menilai potensi medium ini sebagai alat strategik komunikasi massa sejajar dengan aspirasi pembangunan negara pasca kemerdekaan.<sup>11</sup> Cadangan penubuhan televisyen dibincangkan sejak 1960 bagi melengkapkan peranan radio sebagai nadi penyebaran maklumat rasmi.<sup>12</sup> Perbincangan berlaku dalam konteks pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, di tengah cabaran geopolitik seperti Konfrontasi Indonesia yang menuntut pengukuhan strategi komunikasi dan propaganda nasional.<sup>13</sup> Televisyen dianggap mampu meningkatkan perpaduan rakyat, memupuk patriotisme dan menampilkan imej Malaysia sebagai negara moden dan progresif. Setelah persiapan teknikal, latihan serta pembinaan infrastruktur, perkhidmatan televisyen nasional dilancarkan secara rasmi pada 28 Disember 1963 di Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.<sup>14</sup> Tarikh ini menandakan titik tolak penting dalam sejarah penyiaran negara, di mana televisyen berperanan sebagai medium hiburan dan wahana strategik pembentukan identiti nasional serta pengukuhan agenda pembangunan.

Kewujudan televisyen selepas tahun 1963 memberi dimensi baharu dalam pembangunan komunikasi massa di Malaysia.<sup>15</sup> Sebagai negara yang baharu merdeka, televisyen diangkat sebagai alat penyebaran maklumat rasmi kerajaan, medium pendidikan rakyat serta wadah perpaduan kaum dalam masyarakat berbilang bangsa.<sup>16</sup> Kandungan siaran awal banyak menekankan isu pembangunan, dasar kerajaan serta nilai sosial yang seiring dengan ideologi negara.<sup>17</sup> Televisyen turut berperanan dalam menghubungkan masyarakat di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak melalui proses peluasan rangkaian siaran secara berperingkat, memandangkan perkhidmatan televisyen di kedua-dua wilayah tersebut diperkenalkan pada fasa pembangunan yang lebih lewat dalam sejarah penyiaran negara.<sup>18</sup> Selain itu, rancangan hiburan dan kebudayaan diperkenalkan untuk menonjolkan identiti tempatan serta menyeimbangkan pengaruh asing yang turut mendapat tempat dalam jadual siaran.<sup>19</sup> Dari segi teknologi, televisyen memperlihatkan integrasi kepakaran teknikal tempatan dengan bantuan antarabangsa, sekali gus menegaskan imej Malaysia sebagai negara yang menuju kemajuan.<sup>20</sup>

Dalam konteks penyiaran, berita televisyen muncul sebagai segmen terpenting kerana ia menjadi medium rasmi penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat. Berita televisyen bukan sekadar liputan peristiwa harian tetapi juga berfungsi sebagai instrumen negara dalam membina legitimasi politik dan menyebarkan wacana nasional. Melalui berita, kerajaan dapat mengawal naratif pembangunan, perpaduan serta imej negara di peringkat domestik dan antarabangsa. Kedudukannya sebagai segmen utama menjadikan berita televisyen berperanan membentuk persepsi khalayak terhadap dasar kerajaan serta menghubungkan masyarakat berbilang bangsa dengan isu nasional. Justeru, analisis terhadap perkembangan program berita televisyen di Malaysia memberi gambaran jelas tentang bagaimana medium ini berfungsi bukan sahaja sebagai saluran maklumat tetapi juga sebagai alat kuasa negara yang berwibawa. Peranan berita televisyen dalam tempoh awal penyiaran televisyen membuktikan bahawa komunikasi massa adalah sebahagian daripada strategi negara dalam pembinaan kesedaran nasional dan pemupukan identiti kolektif yang seiring dengan agenda pembangunan Malaysia pasca merdeka. Signifikan kajian ini terletak pada peranannya dalam memperluaskan pemahaman tentang hubungan antara media penyiaran dan kuasa negara, khususnya bagaimana berita televisyen digunakan sebagai instrumen ideologi dan komunikasi strategik dalam proses pembinaan negara bangsa di Malaysia pascakolonial.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan kaedah kualitatif bagi meneliti evolusi program berita televisyen di Malaysia dari era 1960-an hingga 1980-an. Tempoh ini dipilih kerana merangkumi fasa awal pelancaran Televisyen Malaysia, penubuhan unit berita RTM (Radio Televisyen Malaysia) serta perkembangan berita sebagai medium utama dalam membentuk naratif kenegaraan. Sebagaimana lazimnya dalam penyelidikan sejarah, kaedah kualitatif dipilih kerana sesuai untuk menganalisis dokumen rasmi, rekod penyiaran serta penulisan akademik yang berkaitan dengan fungsi berita televisyen. Dua teknik utama digunakan dalam penulisan ini, iaitu kajian pustaka dan analisis dokumen. Kajian pustaka dilakukan dengan meneliti penulisan terdahulu, laporan penyelidikan serta karya ilmiah yang membincangkan peranan berita dalam membentuk persepsi masyarakat, strategi komunikasi kerajaan dan fungsi media penyiaran pada era pascakolonial.

Analisis dokumen pula memberi tumpuan kepada sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Penerangan Malaysia. Dokumen yang dipilih meliputi fail rasmi berkaitan penyusunan jadual siaran, rekod mesyuarat unit berita, garis panduan editorial serta teks siaran berita televisyen bagi tempoh 1963 hingga 1983. Sebagai contoh, fail seperti JP/TV/BER/1965 dan RTM/BERITA/1974 memaparkan perincian mengenai pengendalian awal buletin berita dan perkembangan garis panduan liputan, manakala fail JP/BERITA/1980 menunjukkan peluasan kandungan berita pada penghujung 1980-an. Selain itu, laporan tahunan Kementerian Penerangan Malaysia turut dianalisis bagi memahami dasar penyampaian maklumat kerajaan dan sejauh mana program berita digunakan untuk menyampaikan isu-isu pembangunan serta agenda nasional kepada masyarakat. Pemilihan dokumen dilakukan secara teliti berdasarkan kriteria kesahihan sumber, kesesuaian tempoh kajian dan kaitannya dengan perkembangan organisasi berita RTM.

Setelah dokumen dikenal pasti, proses analisis dijalankan dengan menggunakan pendekatan tematik. Tema-tema utama yang diteliti termasuk struktur buletin, jadual siaran, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, liputan isu-isu nasional serta peranan berita dalam mendukung dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dan perpaduan nasional. Perbandingan juga dibuat antara dokumen rasmi, rekod sejarah siaran dan penulisan ilmiah bagi memastikan keselarasan data serta mengurangkan risiko tafsiran berat sebelah.

Pendekatan triangulasi ini membolehkan analisis bukan sahaja mengenal pasti perkembangan fakta mengenai berita televisyen tetapi juga memahami fungsi berita sebagai instrumen dasar kerajaan, medium legitimasi politik dan saluran pembinaan identiti kebangsaan di Malaysia sepanjang dua dekad pertama televisyen.

## PERKEMBANGAN AWAL PROGRAM BERITA TELEVISYEN

Era penyiaran berita televisyen bermula secara rasmi pada 24 Ogos 1940 apabila *National Broadcasting Company* (NBC) di Amerika Syarikat menyiarkan program berita pertama yang dinamakan *The Esso Newsreel* melalui stesen eksperimen W2XBS di New York City.<sup>21</sup> Program ini menggabungkan rakaman filem dan laporan langsung, menandakan permulaan penyampaian berita secara visual kepada penonton awam.<sup>22</sup> Konsep ini segera menarik perhatian dunia kerana televisyen bukan sahaja mampu menyiarkan imej peristiwa tetapi juga menyampaikan maklumat secara serentak dan dramatik, menjadikannya lebih menarik berbanding berita radio dan akhbar.<sup>23</sup> Di United Kingdom, *British Broadcasting Corporation* (BBC) juga memulakan penyiaran berita televisyen sejak 1936 dengan sistem mekanikal ciptaan John Logie Baird<sup>24</sup>, sebelum beralih kepada sistem elektronik pada 1939, menetapkan *standard* awal penyiaran berita yang kemudiannya dijadikan rujukan oleh stesen televisyen lain di seluruh dunia.

Di Asia Tenggara, konsep penyiaran berita televisyen diadaptasi daripada model Barat dan diterjemahkan mengikut konteks tempatan bagi menepati keperluan sosial, budaya dan politik masing-masing.<sup>25</sup> Negara-negara seperti Jepun dan Filipina mula mengoperasikan program berita televisyen pada akhir 1940-an dan awal 1950-an dengan memberi penekanan kepada laporan tempatan serta pembangunan industri penyiaran nasional, termasuk pengukuhan infrastruktur dan latihan tenaga kerja untuk memastikan keberkesanan penyampaian berita.<sup>26</sup> Pendekatan ini kemudian menjadi sumber inspirasi kepada Malaysia untuk membangunkan sistem penyiaran televisyen sendiri selepas mencapai kemerdekaan pada 1957.<sup>27</sup> Kerajaan Malaysia, melalui Jabatan Penyiaran Malaysia, menekankan kepentingan televisyen bukan sahaja sebagai medium hiburan tetapi juga sebagai alat pendidikan dan penyampaian maklumat rasmi.<sup>28</sup> Dalam konteks ini, berita televisyen menjadi komponen utama untuk menyampaikan dasar kerajaan, maklumat penting dan perkembangan semasa kepada rakyat dengan tujuan memperkukuh identiti kebangsaan serta memastikan rakyat mendapat akses kepada sumber maklumat yang tepat dan sahih.<sup>29</sup>

Program berita televisyen pertama di Malaysia diperkenalkan sejurus pelancaran Televisyen Malaysia pada 28 Disember 1963, menandakan peralihan penting daripada media cetak dan radio kepada televisyen sebagai medium maklumat utama negara.<sup>30</sup> Penubuhan Unit Berita RTM menjadi tonggak sejarah dalam pembangunan penyiaran nasional, memastikan liputan isu-isu nasional, antarabangsa dan dasar kerajaan disampaikan secara sistematik, berstruktur dan konsisten.<sup>31</sup> Program berita ini bukan sahaja berperanan sebagai saluran penyampaian maklumat, malah berfungsi sebagai instrumen pembentukan naratif kenegaraan, menyokong agenda sosial, politik dan pembinaan identiti pascakolonial.<sup>32</sup> Sejak pengenalannya, berita televisyen berkembang secara berperingkat, mencerminkan evolusi teknologi penyiaran, pendekatan editorial yang semakin matang dan respons terhadap keperluan komunikasi nasional yang semakin kompleks, menjadikannya medium strategik bagi mendidik, memaklum dan membentuk persepsi rakyat terhadap pembangunan negara.

## KEMAJUAN PROGRAM BERITA TELEVISYEN DI MALAYSIA

Perkembangan berita televisyen di Malaysia menandakan transformasi penting dalam landskap komunikasi massa negara pascakolonial. Sejak pelancaran Televisyen Malaysia pada 28

Disember 1963, berita televisyen berperanan bukan sahaja sebagai medium penyampaian maklumat tetapi juga sebagai instrumen pembentukan identiti nasional, sokongan dasar kerajaan dan pemeraksanaan kesedaran sosial dalam masyarakat berbilang kaum. Penubuhan Unit Berita di Radio Televisyen Malaysia (RTM) menyaksikan pengenalan struktur buletin yang tersusun, penyampaian dalam pelbagai bahasa serta penggunaan teknik siaran yang disesuaikan dengan keperluan teknikal dan jangkauan penonton. Kajian terhadap evolusi berita televisyen ini dianalisis secara kronologi melalui tiga era utama iaitu era 1960-an, 1970-an dan 1980-an yang membolehkan pemahaman menyeluruh mengenai perkembangan dari segi kandungan, teknologi dan gaya penyiaran, sekaligus menilai bagaimana media televisyen membentuk profesionalisme dan fungsi komunikatifnya dalam konteks nasional.

### **Program Berita Televisyen Era 1960-an**

Berita televisyen di Malaysia pada era 1960-an menandakan permulaan rasmi penyiaran maklumat visual kepada rakyat pascakolonial.<sup>33</sup> Program berita ini diperkenalkan sejurus pelancaran Televisyen Malaysia dengan Radio Televisyen Malaysia berperanan sebagai penyedia tunggal kandungan berita.<sup>34</sup> Buletin berita pada era ini berdurasi pendek, sekitar 10 hingga 15 minit dan disiarkan dalam empat bahasa utama iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil bagi memastikan liputan maklumat dapat diakses secara inklusif oleh masyarakat berbilang kaum.<sup>35</sup> Format berita pula bersifat formal dan menekankan naratif faktual di mana penyampai membaca teks terus daripada skrip tanpa sokongan elemen visual dinamik.<sup>36</sup> Hal ini menjadikan pembaca berita sebagai tumpuan utama penyampaian maklumat kepada penonton.<sup>37</sup> Pendekatan tersebut menggambarkan tahap awal profesionalisme penyiaran televisyen di Malaysia serta memperlihatkan usaha RTM menstrukturkan penyebaran maklumat secara seragam, sistematik dan berkesan demi membina kefahaman bersama serta menyemai kesedaran nasional dalam kalangan masyarakat pascakolonial.<sup>38</sup>

Pada peringkat awal penyiaran, kandungan berita televisyen lebih menumpukan kepada liputan rasmi kerajaan, sambutan perayaan kebangsaan dan ucapan pemimpin negara, yang kebanyakannya diperoleh daripada Jabatan Penerangan serta agensi berita nasional.<sup>39</sup> Siaran langsung ketika itu masih sukar direalisasikan kerana keterbatasan teknologi, khususnya kekurangan peralatan mudah alih dan infrastruktur komunikasi yang tidak menyeluruh.<sup>40</sup> Laporan mengenai kejadian mendadak seperti banjir, kemalangan atau bencana alam pula hanya dapat disiarkan beberapa hari kemudian, setelah rakaman sampai ke studio melalui penghantaran telefon atau telegraf.<sup>41</sup> Bagi berita antarabangsa, RTM bergantung kepada agensi global seperti *Reuters*, *United Press International* dan *Associated Press* yang menghantar bahan dalam bentuk teks serta gambar statik untuk diolah sebelum disiarkan.<sup>42</sup> Situasi ini memperlihatkan bagaimana keterbatasan teknikal dan logistik memberi kesan langsung terhadap kelajuan serta bentuk penyampaian berita kepada khalayak.<sup>43</sup> Namun begitu, berita televisyen tetap berfungsi sebagai saluran penting yang menyalurkan perkembangan nasional dan antarabangsa secara teratur, sekali gus mengangkat televisyen sebagai medium autoritatif dalam penyebaran maklumat awam pada era pembangunan negara.<sup>44</sup>

Penggunaan elemen visual dalam berita televisyen pada era 1960-an juga masih terhad, kebanyakannya berupa gambar statik yang sekadar memberikan gambaran asas kepada sesuatu laporan.<sup>45</sup> Kekurangan rakaman video langsung menjadikan naratif pembaca berita sebagai tunjang utama penyampaian maklumat.<sup>46</sup> Dalam konteks ini, tokoh penyampai seperti Kamaruddin Ahmad menonjol dengan gaya tenang dan berwibawa, manakala Wan Chik Daud pula dikenali dengan ketegasan serta karisma yang mampu menarik keyakinan penonton.<sup>47</sup> Kedua-duanya tidak hanya membaca teks tetapi berperanan sebagai wajah dan suara yang memaut perhatian masyarakat, sekaligus membentuk kredibiliti awal berita televisyen. Personaliti mereka memperlihatkan bagaimana sosok penyampai mampu menentukan tahap

kepercayaan khalayak terhadap media baharu ini, di samping meletakkan asas profesionalisme penyiaran berita di Malaysia.<sup>48</sup>

Siaran berita pada era ini menekankan kesinambungan dan keseragaman kandungan melalui struktur buletin yang teratur dan mudah diikuti.<sup>49</sup> Susunan laporan biasanya dimulakan dengan berita utama, disusuli liputan tempatan dan antarabangsa, meskipun aspek antarabangsa masih terbatas oleh kekangan masa dan ketiadaan siaran langsung.<sup>50</sup> Pengenalan berita dalam pelbagai bahasa berfungsi sebagai strategi integrasi nasional, membolehkan RTM merapatkan jurang komunikasi antara kaum dan pada masa sama menanam rasa kebersamaan dalam kalangan penonton.<sup>51</sup> Melalui pendekatan ini, televisyen mula dilihat bukan sekadar sebagai wadah hiburan tetapi sebagai platform rasmi negara untuk menyampaikan maklumat penting kepada rakyat.<sup>52</sup> Struktur penyampaian yang teratur dan berdisiplin ini menegaskan kedudukan RTM sebagai institusi penyiaran yang berperanan membentuk *standard* profesional berita serta memastikan kredibiliti maklumat yang diterima masyarakat.<sup>53</sup>

Secara keseluruhan, program berita televisyen pada era 1960-an di Malaysia menandakan fasa permulaan penyiaran visual, di mana struktur buletin, penggunaan pelbagai bahasa dan peranan penyampai sebagai penghubung maklumat mula dibangunkan secara asas. Walaupun teknologi masih terhad dan liputan langsung sukar dilaksanakan, pendekatan ini menyediakan kerangka awal bagi penyampaian berita yang teratur dan konsisten, membolehkan masyarakat mengikuti perkembangan nasional dan antarabangsa secara berstruktur. Era ini meletakkan asas penting bagi pembentukan format buletin, kredibiliti penyampai dan penggunaan naratif formal yang kemudian menjadi titik rujukan bagi evolusi berita televisyen Malaysia pada era 1970-an dan 1980-an.

### **Program Berita Televisyen Era 1970-an**

Berita televisyen di Malaysia pada era 1970-an menandakan titik perubahan daripada program asas kepada bentuk penyiaran yang lebih profesional dan berstruktur.<sup>54</sup> RTM sebagai penyiar nasional memperluas liputan bagi memenuhi permintaan penonton yang semakin meningkat, seiring perubahan sosio-politik negara.<sup>55</sup> Tempoh buletin yang sebelumnya sekitar 10 hingga 15 minit dilanjutkan kepada lebih 30 minit, membolehkan liputan isu nasional, politik, ekonomi, keselamatan dan antarabangsa disampaikan secara menyeluruh.<sup>56</sup> Struktur penyampaian turut diperhalusi melalui susunan berita utama, diikuti laporan tempatan, ekonomi, sosial dan antarabangsa yang menyelaraskan gaya penyiaran dan memudahkan khalayak mengikuti perkembangan semasa.<sup>57</sup> Melalui pendekatan ini, RTM bukan sahaja menegaskan profesionalisme kewartawanan tetapi juga menyesuaikan format berita dengan keperluan komunikasi nasional yang kompleks, termasuk keseimbangan antara maklumat domestik dan wacana antarabangsa.<sup>58</sup>

Pada era 1970-an, berita televisyen Malaysia juga memperkenalkan wawancara tokoh negara sebagai medium analisis dasar, sejajar dengan usaha kerajaan memperkukuh legitimasi pembangunan nasional. Wawancara eksklusif dengan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein membincangkan Dasar Ekonomi Baru selepas peristiwa 13 Mei 1969, menumpukan kepada usaha pengurangan kemiskinan, pencapaian keseimbangan ekonomi antara kaum dan peluasan peluang pembangunan di kawasan luar bandar.<sup>59</sup> Tan Sri Ismail Ali, Gabenor Bank Negara pula menekankan peranan dasar ini dalam menjamin kestabilan kewangan negara.<sup>60</sup> Dr. Mahathir Mohamad sebagai Menteri Pendidikan pada ketika itu menyorot agenda pembinaan sekolah teknik dan program latihan kemahiran bagi pelajar luar bandar.<sup>61</sup> Sementara itu, Prof. Dr. Fatimah Hamid Don menegaskan bahawa *Federal Land Development Authority* (FELDA) memainkan peranan penting sebagai alat mobiliti sosial bagi golongan masyarakat yang kurang berkemampuan.<sup>62</sup> Keseluruhannya, wawancara ini bukan sekadar

menjelaskan dasar tetapi turut memperkukuh kredibiliti berita serta menegaskan televisyen sebagai alat strategik komunikasi dan perpaduan nasional.<sup>63</sup>

Selain itu, perkembangan berita televisyen pada era 1970-an harus difahami dalam kerangka politik dan ideologi negara yang menekankan perpaduan nasional pasca peristiwa 13 Mei 1969. Dalam konteks ini, RTM memainkan peranan sebagai instrumen komunikasi negara yang menyalurkan naratif pembangunan dan integrasi kaum sejajar dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.<sup>64</sup> Liputan berita tentang projek pembangunan wilayah, kejayaan ekonomi dan bukti kerjasama antara etnik dijadikan bahan untuk mengukuhkan legitimasi kerajaan serta membina persepsi bersama tentang kestabilan negara.<sup>65</sup> Berbanding dengan pendekatan laporan yang formal dan bersifat neutral pada era 1960-an, berita televisyen pada era 1970-an mengambil peranan lebih aktif sebagai medium penyebaran hegemoni budaya, di mana mesej kerajaan disampaikan melalui naratif nasional yang dirangka agar dapat difahami oleh masyarakat pelbagai latar belakang.<sup>66</sup> Transformasi ini memperlihatkan bagaimana televisyen digunakan bukan sahaja sebagai medium maklumat tetapi sebagai mekanisme pendidikan politik dan sosial yang berperanan dalam proses pembentukan identiti kebangsaan.<sup>67</sup>

